

Penyu agar dikesan bertelur di Pantai Batu Buruk



Penyu agar dianggarkan berusia antara 15 hingga 18 tahun dikesan mendarat untuk bertelur di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu pada Isnin:

KUALA TERENGGANU - Seekor penyu agar dikesan mendarat untuk bertelur berhampiran sebuah hotel di Pantai Batu Buruk di sini pada Isnin.

Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, penyu berkenaan mula bertelur antara jam 7 petang dan 8.50 malam dengan jumlah telur sebanyak 49 biji.

“Penyu tersebut dianggarkan berusia 15 hingga 18 tahun dan dikategorikan sebagai penyu muda berdasarkan saiz kesian ditinggalkan serta jumlah telur dihasilkan,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Ruzaidi mengingatkan orang ramai supaya tidak mengganggu haiwan berkenaan sepanjang berada di darat atau ketika turun ke laut.

“Berdasarkan maklumat diterima, penyu itu telah diganggu ketika perjalanan naik ke darat.

“Perbuatan ini boleh disabitkan kesalahan di bawah

Seksyen 12B Enakmen Penyu 1951 (Pindaan 1987) dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya jika sabit kesalahan,” katanya.

Beliau berkata, telur penyu berkenaan dibawa ke Pusat Konservasi Dan Penerangan Penyu Rantau Abang, Dungun untuk proses pengeraman.

Sementara itu, Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Uzair Rusli berkata, penyu agar naik ke pantai Pantai Batu Buruk merupakan petanda pantai berkenaan sudah sesuai dengan persarangan penyu.

“Mungkin aktiviti orang awam di pantai itu berkurangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan tiada gangguan kepada penyu untuk mendarat,” katanya.